

Headline	TM berdepan persaingari TNB		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Ekonomi	Page No	38
ArticleSize	475 cm ²	Journalist	NUR
PR Value	RM 28,164		



TM berdepan persaingan TNB

Oleh **NUR HANANI AZMAN**
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 10 JAN.

TELEKOM Malaysia Bhd. (TM) berisiko kehilangan pelanggan jika projek perintis Tenaga Nasional Bhd. (TNB) iaitu Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCC) menjadi satu perniagaan jangka panjang.

Affin Hwang Capital Research dalam nota kajian terkini menurunkan taraf TM serta memberi amaran pegangan pasaran pemain telekomunikasi itu boleh merosot kerana

kemunculan pesaing baharu dalam pasaran jalur lebar.

Katanya, TNB akan membuat keputusan akhir sama ada untuk memasuki pasaran talian tetap atau jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) pada suku kedua tahun ini.

"Rangkaian gantian kelajuan tinggi TNB perlu menawarkan pilihan menarik kepada 1.1 juta pelanggan Streamyx TM, memandangkan peningkatan kelajuan dan harga langganan yang lebih rendah menjadi tarikan utama.

"Jika tidak, tawaran produk yang kompetitif daripada Ma-

xis atau City Broadband boleh menarik 1.2 juta pelanggan Unifi TM," katanya di sini hari ini.

Semalam, Affin Hwang Capital menurunkan taraf TM sehari selepas TNB melancarkan projek NFCC.

Di bawah projek perintis tiga bulan NFCC, beberapa pembekal perkhidmatan internet (ISP) akan menawarkan pakej jalur lebar kepada 1,100 pelanggan di Jasin, Melaka dengan menggunakan gantian optik TNB.

ISP yang mengambil bahagian termasuk Astro Malaysia Holdings Bhd., Celcom Axiata Bhd., City Broadband Sdn. Bhd., Digi.Com Bhd., Maxis Bhd. dan TIME dotCom Bhd.

Dalam nota berasingan, PublicInvest Research menyif-

fatkan pelancaran pakej HSBB oleh ISP di bawah projek perintis NFCC itu sebagai negatif kepada TM.

Pada masa ini, firma penyelidikan itu menjangka kesan tidak penting kepada ISP yang mengambil bahagian di dalam projek perintis NFCC itu.

"Ia masih tidak pasti sama ada TNB akan mampu melancarkan HSBB di tempat yang belum diterokai dan belum dihubungkan dengan rangkaian gantian sedia ada.

"Secara keseluruhan, kami yakin ia boleh membawa pertumbuhan perolehan yang berpotensi kepada TNB melalui penyewaan infrastruktur gantian, tetapi kesan pendapatan dijangka tidak signifikan, kepada kumpulan," katanya.

